

24 NOV 1997

Parlimen-Islam

PENYELARASAN SEMUA HAL BERKAITAN ISLAM TELAH WUJUD

KUALA LUMPUR, 24 Nov (Bernama) -- Penyelarasan dalam semua hal berkaitan agama Islam sememangnya telah wujud di peringkat pusat dengan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwat Agama Islam menjadi badan penyelarasan utama, demikian Dewan Rakyat diberitahu hari ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman berkata majlis itu ditubuhkan oleh Majlis Raja-raja dan dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan anggotanya terdiri daripada semua Menteri Besar dan Ketua Menteri.

"Antara badan penyelaras lain ialah Jawatankuasa Kemajuan Hal Ehwat Islam Malaysia yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri," katanya ketika menjawab soalan Haji Mustafa Muda (BN-Hulu Terengganu) semasa sesi soal jawab.

Katanya, badan lain termasuklah Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Islam Malaysia, Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dan Persidangan Ketua-ketua Jabatan Agama Islam Seluruh Malaysia.

Beliau berkata tidak seharusnya timbul anggapan bahawa para mufti terkongkong dalam pemikiran yang terhad kerana mereka sentiasa didedahkan kepada pelbagai bidang keilmuan yang menyentuh aspek sosial dan kemasyarakatan melalui penyertaan dalam lawatan dan seminar peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Ketika menjawab soalan tambahan Zainal Abidin Osman (BN-Mersing), Abdul Hamid berkata beberapa negeri menyatakan kesanggupan menyertai Skim Perjawatan Gunasama dan Jawatan Bersama dan usaha sentiasa berjalan untuk tujuan itu.

"Kerajaan Pusat telah menjalankan usaha memberi opsyen kepada pegawai-pegawai peringkat negeri yang ingin masuk ke dalam jawatan Kerajaan Pusat," katanya.

Haji Abdul Hadi Awang (Pas-Marang) pula ingin tahu sama ada semua kegiatan kerajaan yang melibatkan hukum Islam diwajibkan terlebih dahulu dirujuk kepada mufti di negeri dan Majlis Fatwa Kebangsaan di peringkat pusat.

Abdul Hamid berkata mengenai hal-hal agama Islam, Kerajaan Pusat merujuk kepada Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dan di peringkat negeri kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri. -- BERNAMA

MNY NMO